

20/06/1998

Ghani anggap amanat PM berani

AHLI Majlis Tertinggi (MT), Datuk Abdul Ghani Othman, menganggap Presiden parti sudah menyampaikan satu ucapan yang berani dalam mendedahkan belang pedagang mata wang.

Katanya, Perdana Menteri berani mendedahkan perkara itu dan memberi penjelasan mengenai keadaan negara dalam konteks globalisasi dan deregulasi supaya ahli Umno faham dan boleh bersatu menangani masalah itu.

"Satu ucapan berani dalam mengenal pasti penjajahan bentuk baru," katanya.

Mengenai kronisme, Abdul Ghani berkata ia perlu ditangani secara objektif demi untuk kebaikan negara.

Seorang lagi Ahli MT, Datuk Abu Hassan Omar, berpendapat ucapan Dr Mahathir sebagai penjelasan menyeluruh terhadap masalah kegawatan ekonomi yang melanda negara dan rantau ini.

Menurutnya, ucapan yang tegas dan berterus terang itu juga boleh dianggap sebagai peringatan kepada pemimpin Umno bahawa jika mereka tidak berhati-hati terhadap istilah globalisasi, liberalisasi dan diregularisasi boleh merosakkan rakyat dan negara akhirnya.

(END)